

**SYARAT-SYARAT PERMIT BINAAN SEMENTARA (UUK 19) UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986 (Pindaan) 2016**

**SYARAT-SYARAT UMUM.**

1. Permohonan adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 19 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Pindaan) 2016.
2. Kegunaan bangunan hanya untuk tujuan seperti yang dipohon sahaja.
3. Sebarang tambahan kepada bangunan adalah tidak dibenarkan melainkan setelah mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Majlis Bandaraya Seberang Perai.
4. Kekuatan dan kekukuhan struktur adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab Pemohon / Jurutera Perunding yang dilantik.
5. Sekiranya kerja tanah terlibat, Pelan Kerja Tanah hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kejuruteraan MBSP untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum kerja tanah dimulakan.
6. Pemohon dikehendaki menyediakan tempat letak kereta dan motosikal yang mencukupi untuk pekerja dan pelawat. Perletakan kenderaan di bahu jalan tidak dibenarkan.
7. Memastikan sistem perparitan sedia ada tidak dihalang, ditutup atau diganggu. Pemohon dikehendaki membaiki semula segala kerosakan yang berlaku ke atas jalan dan parit semasa kerja pembinaan dijalankan.
8. Memastikan tidak akan menyebabkan kacauganggu kepada jiran setempat dan kawasan sekeliling.
9. Memastikan aspek lalulintas sentiasa dikawal dan mengelakkan kacauganggu yang mungkin timbul akibat aktiviti yang dijalankan.
10. Pemohon dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan tukarguna syarat tanah, perlingkungan semula dan Pelan Kebenaran Merancang dalam tempoh kelulusan sementara yang diberi. (Jika berkaitan)
11. Pemohon akan meruntuhkan sendiri binaan apabila permit tamat tempoh kelulusan atau permit dibatalkan atau diarahkan oleh Majlis mengikut mana yang terdahulu. Tapak binaan perlu dibersihkan dari sisa-sisa binaan.
12. Kemukakan pembaharuan permit 2 bulan sebelum tempoh permit hampir tamat.
13. Pihak Kontraktor / Pemaju hendaklah memastikan keadaan laluan jalan sehingga ke tapak berada dalam keadaan baik dan bersih daripada sebarang kekotoran.
14. Hendaklah mengambil tindakan pembetulan ketidakpatuhan dalam masa seminggu dari tarikh notis dikeluarkan oleh MBSP.
15. Kerja-kerja binaan dihadkan dari jam 8:00 pagi - 6:00 petang. Kerja-kerja binaan juga tidak dibenarkan pada hari Ahad dan cuti umum. Kebenaran bertulis dari MBSP perlu diperolehi terlebih dahulu sekiranya kerja-kerja dijalankan melebihi masa yang ditetapkan dan hari yang disebutkan.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

**SYARAT-SYARAT PERMIT BINAAN SEMENTARA PAPAN DENDENG**

Orang yang diberi permit sementara hendaklah bertanggungjawab :

1. Mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menyenggara parit tepi lebuah supaya bersih dari galangan dan memuaskan hati pihak Majlis.
2. Penyelarasan kabel, paip dan lain-lain kelengkapan atau talian perkhidmatan atau kemudahan yang sedia ada dan bagi pemasangannya semula apabila siap kerja-kerja itu mengikut kehendak-kehendak Majlis.
3. Mengecat hujung papan-papan dendeng itu dengan warna putih dan menandakan dengan sesuai hujung papan-papan dendeng dan susur-susur adang dengan lampu amaran merah sepanjang malam.
4. Apa-apa kemalangan dan kerosakan kepada harta atau orang yang di sebabkan secara langsung oleh papan-papan dinding atau susur adang itu.
5. Memastikan bahawa tempat-tempat pili bomba dan apa-apa pemasangan perkhidmatan kemudahan lain yang sedia ada tidak digalang oleh papan dinding atau bahan-bahan itu.
6. Mengadakan ruang buka yang sesuai dengan susur tangan di hujung papan dendeng itu untuk memudahkan jalan masuk keluar di atas parit tepi lebuah, kepada dan daripada jalan kaki lima bersampingan.
7. Menyenggara papan dendeng itu dengan memuaskan hati pihak Majlis.
8. Mengambil langkah berhati-hati yang wajar supaya tidak merosakkan sesalur bekal yang sedia ada dengan menempatkan bebanan lebih ke atas tanah atau dengan sesuatu binaan sementara.
9. Memindahkan papan dendeng itu bersama dengan semua bahan dan puing apabila kerja siap.
10. Membina semula apa-apa kerosakan pada lebuah, parit, lorong jalan kaki dan jalan kaki lima dan meninggalkan tapak dan parit itu dalam keadaan bersih dan kemas.
11. Pagar atau tembok kepada sempadan harta yang terpisah lain daripada sempadan yang bersempadan dengan jalan atau lorong belakang hendaklah dibina hingga tinggi maksimum 1.8meter bagi pagar atau tembok pejal dan hingga tinggi maksimum 2.75 meter bagi pagar yang dibina sedemikian rupa yang membenarkan laluan cahaya dan udara.

**SYARAT-SYARAT PERMIT KEDIAMAN SEMENTARA PEKERJA DI TAPAK BINAAN**

- RUMAH PEKERJA DAN LAIN-LAIN BINAAN SEMENTARA**
  - a. Penggunaan kabin yang diperbuat daripada 'metal deck' sebagai kediaman sementara adalah digalakkan. Walaubagaimanapun pembinaan kediaman sementara daripada kayu dan papan lapis adalah dibenarkan.
  - b. Rumah pekerja sementara hanya boleh digunakan aktiviti lain seperti memasak, mandi-manda, membasuh dan menyidai pakaian mestilah dilakukan di satu bahagian yang terletak di tempat berasingan yang dikhususkan di dalam tapak pembinaan.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

- c. Keluasan minimum bagi pengudaraan setiap unit ialah 15% daripada keluasan lantai dengan keluasan minimum pembukaan tidak tetap 10% daripada keluasan lantai.
- d. Rumah Pekerja sementara berkenaan hendaklah disusun dalam keadaan yang sewajarnya dengan akses jalan dan jalan masuk yang mencukupi untuk tindak menimbulkan sebarang kesukaran apabila Jabatan Perkhidmatan Bomba hendak memasuki sekiranya berlaku kebakaran.



#### **KEHENDAK-KEHENDAK KEBOMBAAN**

- a. Bagi bangunan kediaman satu tingkat, 3 unit kediaman mestilah diasingkan dengan 'dry wall partition' yang terdiri daripada jenis 'cemboard'. Sementara bangunan dua tingkat 'dry wall partition' mestilah diletakkan pada setiap 2 unit kediaman. 'Dry wall partition' ini mestilah dibina sehingga ke paras bumbung.
- b. Satu tangga mestilah disediakan bagi setiap unit bagi bangunan dua tingkat. Bangunan dua tingkat juga mestilah disediakan dengan beranda terbuka untuk memudahkan penghuni-penghuni menyelamatkan diri sewaktu sebarang kebakaran berlaku.
- c. Kelebaran minimum tangga bagi bangunan dua tingkat ialah 1000mm dengan kelebaran minimum beranda terbuka ialah 1100mm.
- d. Setiap blok kediaman mestilah disediakan dengan alat-alat pencegah kebakaran asas seperti pasir di dalam baldi atau alat-alat pemadam api (*fire extinguisher*). Bagi penggunaan alat pemadam api setiap 3 unit kediaman blok setingkat mesti disediakan dengan satu unit alat pemadam api. Bagi bangunan kediaman dua tingkat pula setiap 2 unit kediaman mesti disediakan dengan 1 buah alat pemadam api. Bagi bangunan kediaman dua tingkat pula setiap 2 unit kediaman mesti disediakan dengan 1 buah alat pemadam api.



#### **RUANG MEMASAK**

- a. Penggunaan kantin sebagai tempat memakan adalah digalakkan. Walaubagaimanapun ruang memasak masih boleh disediakan. Minimum satu ruang masak umum (*communal kitchen*) perlu disediakan bagi setiap ruang memasak perlu disediakan dengan 2 bilangan minimum dapur dan satu meja untuk menyediakan makanan.
- b. Setiap ruang memasak perlu disediakan dengan 2 bilangan minimum dapur dan satu meja untuk menyediakan makanan.
- c. Satu ruang kemudahan mencuci yang sempurna mesti disediakan bagi setiap dua unit ruang memasak dengan segala air buangan disalurkan ke tangki septik.



#### **TANDAS**

- a. Bilangan minimum bagi kemudahan tandas iaitu satu tandas bagi setiap 5 orang.
- b. Jenis tandas yang dibenarkan adalah tandas (*mobile toilet*) dan tandas *w.c.* dengan tangki septik. Penggunaan tandas bergerak adalah dibenarkan bagi projek-projek jangka pendek iaitu kurang daripada 6 bulan. Bagi projek-projek yang melebihi 6 bulan tangki septik mestilah digunakan. Bagi penggunaan tandas bergerak pemaju mestilah memastikan bahawa najis adalah diangkat dan dibuang (*dislodging*) mengikut sistem berjadual.
- c. Keluasan minimum tandas ialah 1.5 meter persegi dengan keluasan minimum bukaan tetap bagi pengudaraan ialah 10% daripada keluasan lantai.



#### **TEMPAT MANDI DAN MEMBASUH**

- a. Satu tempat mandi dan membasuh umum perlu disediakan bagi setiap 5 orang dengan pengasingan mesti dilakukan bagi setiap lelaki dan perempuan.
- b. Air limbah (*sullage water*) dari tempat mandi hendaklah disalurkan ke dalam tangki dan tidak dibenarkan disalurkan ke dalam longkang awam atau di kawasan persekitaran.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

**TEMPAT MENYIDAI PAKAIAN**

- a. Satu tempat bagi menyidai pakaian disediakan di mana tempat ini perlulah terlindung dari pandangan umum. Kain-kain tidak dibenarkan disidai di tingkap atau mana-mana tempat tinggi yang mudah dilihat oleh ramai.

**STOR**

- a. Sekiranya terdapat stor untuk menyimpan barang terutama sekali barang-barang yang mudah terbakar, kedudukan minimum dari sebarang blok kediaman ialah 6 meter.

**BAHAN-BAHAN**

- a. Penggunaan papan lapis bagi pembinaan semua unit kediaman serta komponennya adalah dibenarkan kecuali penggunaan papan lapis yang terpakai. Papan lapis yang digunakan mestilah mempunyai ketebalan minimum 12mm. Papan lapis untuk kegunaan luar mestilah diperbuat daripada pelekat penahan lembapan serta kalis cuaca dan haba (*Moisture Resistance and Weather and Boil Proff Bond*). Bagi penggunaan *metal decking* ketebalan minimum yang diperlukan ialah 1.0mm. Penggunaan kayu keras adalah digalakkan memandangkan ketahanannya yang lebih kepada kepakaran.
- b. Bumbung mestilah diperbuat daripada bahan-bahan kalis air. Walaubagaimanapun penggunaan '*asbestos sheet*' dan '*bituminious felt*' adalah tidak dibenarkan.
- c. Lantai bagi bangunan kediaman sementara mestilah diperbuat daripada lepas simen (*cement rendered*) dengan ketebalan tidak kurang daripada 100mm dari aras tanah.

**BEKALAN AIR**

- a. Pemaju mesti menyediakan bekalan air yang bersih kepada kawasan penginapan sementara pekerja-pekerja.

**PEMASANGAN PERANTI PENJIMATAN AIR (WSD)**

- a. Pihak Pemaju hendaklah menggunakan produk peranti penjimatan air (WSD) yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP di dalam *PBAPP Specification For Water Efficient Products*.

**BEKALAN ELETRIK**

- a. Bekalan elektrik hendaklah diperolehi daripada Tenaga Nasional Berhad.

**PELUPUSAN / SISA BINAAN**

- a. Tempat pembuangan sampah yang sempurna perlu disediakan dan semua sampah-sarap hendaklah dilupuskan di pusat pembuangan sampah Pihak Berkuasa Tempatan melalui satu sistem pungutan yang berjadual.
- b. Bagi pelupusan bahan sisa-sisa binaan, bayaran permit pelupusan hendaklah dijelaskan di MBSP. Resit ini hendaklah ditunjukkan kepada pegawai bertugas di tapak pelupusan. Tapak pelupusan yang dibenarkan adalah tapak pelupusan Ampang Jajar, Mak Mandin, SPU.
- c. Pihak Pemaju dan kontraktor diwajibkan untuk melakukan sistem pengasingan sisa di punca bagi kategori sampah yang hendak dibuang atau di kitar semula.

**SISTEM PERPARITAN**

- a. Longkang sementara mestilah dilaksanakan oleh pihak pemaju bagi semua rumah kediaman sementara pekerja. Longkang sementara ini mestilah diperbuat daripada konkrit.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

**PENYENGARAAN**

- a. Rumah kediaman sementara, komponen-komponennya serta kawasan persekitarannya hendaklah diselenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa supaya tidak menimbulkan sebarang kعاuganggu seperti bau kepada penduduk-penduduk di sekitar atau menjadi tempat punca pembiakan nyamuk.
- b. Segala sampah-sarap mestilah tidak dibuang merata-rata tempat kecuali di tempat pembuangan sampah yang sah dan dikhususkan
- c. Pemaju mesti memastikan bahawa longkang-longkang yang terdapat di kawasan berkenaan sentiasa dijaga dan diselenggara dengan baik untuk mengelakkan sebarang takungan air yang boleh menyebabkan serangga membiak. Selain daripada itu, pengaliran air keluar dari tapak perlu dijaga untuk mengelakkan berlaku sebarang banjir kilat apabila hujan lebat turun. Pemaju juga mesti memastikan bahawa longkang-longkang berkenaan tidak membawa lumpur.
- d. Pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan bahawa semua binaan tangki septik sementara yang dibina di tapak dirobuhkan dan kawasannya ditimbus dan dibersihkan sebelum Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan.

**KEPERLUAN AKTA 446 (AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 – Pindaan sehingga 2019) DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

- a. Majikan perlu mematuhi dan memastikan setiap penginapan pekerja mengikut keperluan Akta 446 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Ini bagi memastikan kawalan dalaman dan penyediaan keperluan asas setiap pekerja adalah teratur seperti yang dinyatakan di bawah akta tersebut.



- b. Pemohon dikehendaki mengemukakan maklumat tambahan seperti berikut
  - 1.0 Nama syarikat pemohon
  - 2.0 Bilangan pekerja yang menginap
  - 3.0 Maklumat pekerja yang menginap (nama, nombor kad pengenalan / passport, umur, warganegara, jantina)
  - 4.0 Lain-lain maklumat tambahan yang diperlukan.

Nota: Bilangan pekerja yang dikemukakan oleh majikan hendaklah mematuhi Akta 446



- c. Majikan dikehendaki untuk menetapkan samada penginapan pekerja berkonsepkan domitori atau pangsapuri bagi menentukan kemudahan yang perlu disediakan.

Domitori

Pangsapuri

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

d. Syarat -Syarat Yang Perlu Dicatatkan Di Atas Pelan

1. Tempoh Permit Sementara akan berakhir pada 31 Disember setiap tahun dan tempoh yang dibenarkan tidak melebihi tiga (3) tahun
2. Struktur rumah penginapan (rumah kongsi) dan kemudahan pekerja hendaklah dirobuhkan setelah permit sementara tamat atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi projek tersebut dikeluarkan atau mana yang terdahulu.
3. Menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MBSP
4. Pemohon perlu mematuhi segala syarat – syarat keselamatan Kebombaan seperti menyediakan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
5. Pemohon hendaklah menyediakan dan menyelenggara sistem kumbahan dan saliran yang mencukupi dan mematuhi peraturan menyediakan dan menyelenggara dengan baik sistem peparitan dan kumbahan di tapak.
6. Mematuhi kehendak-kehendak Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).
7. Mengikut syarat-syarat dan kaedah permohonan sedia ada bagi Permit Binaan Sementara Untuk Pelan Lulus Jabatan Bangunan MBSP iaitu kelulusan dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja. Permit akan dibatalkan atau tidak dapat diperbaharui sekiranya syarat-syarat permit sementara tidak dipatuhi.
8. Pemohon hendaklah mendapatkan lesen perniagaan (Lesen Premis dan Iklan) bagi aktiviti rumah kongsi dan apa-apa aktiviti perniagaan yang dijalankan di dalam kawasan tapak rumah kongsi dalam tempoh 30 hari.
9. Pemohon/Majikan hanya dibenarkan untuk memulakan operasi penginapan sementara pekerja (diduduki) selepas lesen premis dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan MBSP dan Kelulusan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
10. Pemohon/Majikan perlu menyediakan papan tanda / papan notis di tempat penginapan sementara pekerja dengan menyatakan maklumat seperti berikut :-
  - i. Nama Penyelia yang boleh dihubungi
  - ii. Nombor Telefon Penyelia
  - iii. Nama Syarikat / Majikan yang boleh dihubungi
  - iv. Nombor Telefon Majikan
  - v. Perletakan papan tanda . notis ini hendaklah dibuat dengan saiz dan lokasi yang bersesuaian contohnya seperti dipintu masuk permis atau mana – mana yang oleh dilihat dengan mudah oleh agensi penguatkuasa.
  - vi. Penyelia/majikan perlu sentiasa boleh dihubungi pada setiap masa serta boleh memberikan maklumbalas serta menyelesaikan masalah/perkara berbangkit.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

11. Aspek Keselamatan

- i. Pihak majikan dan pengurusan perlu menyediakan pondok keselamatan di semua pintu keluar / masuk utama dan melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan penginapan sementara (tertakluk kepada keperluan).
- ii. Semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan hendaklah pada setiap masa mempunyai pencahayaan, pengudaraan yang baik dan tangga-tangga dipasang pemegang.
- iii. Kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- iv. Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- v. Premis yang digunakan perlu mematuhi segala syarat – syarat yang akan dikenakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- vi. Semua pekerja perniagaan terutamanya melibatkan pekerja warga asing perlu menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.
- vii. Semua maklumat setiap pekerja terutamanya pekerja warga asing yang akan ditempatkan di penginapan pekerja hendaklah disalinkan oleh majikan kepada Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis dan pihak pengurusan

 12. Aspek Kebersihan Dan Kesihatan

- i. Kawasan persekitaran penginapan sementara ini hendaklah diuruskan dengan baik oleh pihak majikan dan pengurusan.
- ii. Pihak pengurusan perlu menyelaras dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain.
- iii. Pengusaha dikehendaki menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di premis penginapan. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah – Sila Rujuk syarat Jabatan Perkhidmatan Perbandaran seperti di Lampiran G Perniagaan.
- iv. Pemeriksaan kesihatan adalah diwajibkan bagi setiap penghuni bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal. Warga asing yang menghidap penyakit berjangkit mesti dihantar pulang ke negara asal dengan segera.
- v. Kemudahan rawatan dan kesihatan hendaklah dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. Bilik sakit (sick bay) disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit.
- vi. Pemohon perlu memastikan premis yang diduduki tidak sesak mengikut Akta Kerajaan Tempatan 171 (Seksyen 78 dan 79) serta menghapuskan sebarang kacaugangu serta isu kebersihan yang timbul dalam permohonan ini.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

13. Kawalan Aktiviti

- i. Pihak pengusaha hendaklah memastikan pengasingan unit dengan mengambilkira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan atau pergaduhan sesama mereka.
- ii. Penghuni penginapan sementara tidak dibenarkan untuk memelihara haiwan peliharaan, meminum minuman keras, melakukan aktiviti pelacuran, perjudian dan aktiviti selain penginapan serta menimbulkan kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.
- iii. Memasak hanya dibenarkan di tempat yang disediakan dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan dan lain-lain tempat. Sekiranya tidak disediakan tempat memasak, pihak majikan hendaklah membekalkan makanan siap dimasak kepada pekerja.
- iv. Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan.
- v. Rekabentuk dan binaan adalah Mematuhi Peraturan - Peraturan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) Pindaan 2019

 14. Mencatatkan syarat - syarat seperti di Lampiran G di atas pelan bangunan

 **PERAKUAN PSP DAN PEMOHON DI ATAS PELAN**

1. Pengesahan PSP akan menunaikan semua syarat di atas pelan berserta dengan tandatangan dan cop
2. Perakuan PSP / Arkitek berserta tandatangan & cop :
  - i. "Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya dan akan memantau dan menyelesaikan apa jua permasalahan di tapak dan juga masalah kejurangan tanpa melibatkan Majlis Bandaraya Seberang Perai"
  - ii. "Semua butiran pelan adalah teratur, benar dan saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan".
  - iii. "Saya mengesahkan" :

Bahawa pelan-pelan yang dikemukakan adalah mengikut Undang- undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (pindaan) 2016 [UKBS 1986] dan pindaan-pindaan serta garis panduan-garis panduan dan polisi-polisi Majlis Bandaraya Seberang Perai."

 3. **Perakuan pemohon berserta tandatangan dan nama:**

" Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya jika perkara berbangkit bersabit dengan pembinaan ini dan akan menanggung rugi termasuk membaikpulih segala kerosakan yang mungkin timbul semasa kerja-kerja pembinaan ke atas premis bersebelahan saya tanpa melibatkan Majlis Bandaraya Seberang Perai"

Catitan :  Tandakan yang berkaitan





**Saya memperakui bahawa :**(perakuan Pemohon)

- i. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas binaan yang saya bina terutamanya dari segi kekukuhan dan kestabilannya dan keselamatan struktur bangunan berhampiran serta membaiki segala kerosakan termasuk infrastruktur sekiranya ada.
- ii. Saya sedar kelulusan yang diberikan ini adalah berdasarkan permit sementara sahaja dan perlu memperbaharui permit sementara sebelum tarikh luput serta merobohkan semua binaan tersebut atau mengembalikan kepada keadaan asal selepas tempoh kelulusan tamat .
- iii. Saya perlu memastikan kerja-kerja meroboh dilakukan dengan selamat serta sisa binaan dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh MBSP serta memastikan kebersihan tapak dengan semua kosnya akan ditanggung oleh pihak saya.
- iv. Saya perlu menyelesaikan sebarang aduan berkaitan aspek kebersihan, kacau ganggu, kesesakan lalu lintas, keselamatan dan lain – lain aduan yang diterima oleh MBSP terhadap penginapan pekerja dalam tersebut.
- v. Saya hanya akan memulakan operasi penginapan sementara pekerja (diduduki) selepas lesen premis dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan MBSP dan Mendapat kelulusan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta mematuhi syarat syarat kebombaan dan dan memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik
- vi. Semua maklumat yang diberikan adalah benar dan saya bersetuju permohonan saya DIBATALKAN sekiranya terdapat maklumat tidak benar / palsu

**Disemak oleh : PSP**

**Disemak oleh : Jabatan Bangunan**

Tandatangan : .....

Tandatangan : .....

Nama : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Tarikh : .....

**Untuk Kegunaan Pejabat :**

**Keputusan:**

Terima

Terima dengan Syarat :

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Catitan :  Tandakan yang berkaitan